

Rujukan Kami (Our Ref): UMP.03.01/10.12/3 (28)  
Tarikh: 17 Julai 2020

Semua Dekan/ Ketua Jabatan  
Universiti Malaysia Pahang

Assalamualaikum wrt.wbt.  
Prof. Dato Sri/ Prof. Dato/ Prof./ Prof. Madya/ Tuan/ Puan,

**EDARAN PEKELILING BENDAHARI BIL. 3 TAHUN 2020  
KAEDAH PELAKSANAAN PEROLEHAN KERJA BAGI TAHUN 2020**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Bersama ini dilampirkan Pekeliling Bendahari Bil. 3 Tahun 2020 Kaedah Pelaksanaan Perolehan Kerja Bagi Tahun 2020 Di Universiti Malaysia Pahang untuk makluman dan tindakan Prof. Dato Sri/ Prof. Dato/ Prof./ Prof. Madya/ Tuan/ Puan, selanjutnya

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(ZAINUDIN BIN OTHMAN)**  
Bendahari/Ketua Pegawai Kewangan (CFO)  
Universiti Malaysia Pahang



## **PEKELILING BENDAHARI BIL. 3 TAHUN 2020**

Semua Dekan/Ketua Jabatan  
Universiti Malaysia Pahang

Assalamualaikum wrt. wbt.

Ybhg. Prof. Dato / Prof. / Prof Madya/Dr./ Tuan/ Puan,

### **KAEDAH PELAKSANAAN PEROLEHAN KERJA BAGI TAHUN 2020**

#### **1.0 TUJUAN**

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan tentang kaedah pelaksanaan perolehan kerja bagi tahun 2020 di Universiti Malaysia Pahang.

#### **2.0 LATARBELAKANG**

2.1 Dalam usaha Kerajaan untuk merencanakan aktiviti ekonomi, penglibatan secara langsung Kerajaan dalam pelaksanaan perolehan/projek adalah sangat penting. Oleh itu, semua perolehan/projek yang telah diluluskan peruntukan Belanjawan Tahun 2020 hendaklah dipercepatkan pelaksanaannya supaya memberi kesan berganda kepada ekonomi negara;

2.2 Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan Universiti kali ke 44 Bil.2/2020 telah meluluskan pemakaian Pekeliling Perbendaharaan PK2.2 Kaedah

Pelaksanaan Perolehan/Projek Kerajaan Tahun 2020, Kuat Kuasa 23 April 2020 dan semua pindaan terkini PK2.2 yang dikemaskini dari semasa ke semasa sekaligus dapat mempercepatkan proses perolehan dan meningkatkan aktiviti perniagaan bagi satu tempoh yang ditetapkan. Had nilai perolehan kerja Kerajaan dinaikkan ke nilai ambang baharu berkuat kuasa mulai 23 April 2020 sehingga 31 Disember 2020 sahaja.

### 3.0 KAEDAH PELAKSANAAN PEROLEHAN/PROJEK KERAJAAN TAHUN 2020

3.1 Had nilai perolehan kerja secara sebutharga adalah daripada nilai yang melebihi RM20,000.00 sehingga RM800,000.00 dan diluluskan oleh Jawatankuasa Sebut Harga Universiti;

3.2 Nilai ambang baharu had nilai perolehan kerja adalah seperti berikut:

Bil.	Kaedah Perolehan	Had Nilai	Syarat Perolehan
a.	Lantikan terus	Sehingga RM20,000 (Kekal had nilai sedia ada seperti dalam PP/PK2.1)	(i) Kontraktor tempatan (ii) Kontraktor berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) Gred G1 (iii) Kontraktor yang dipelawa hendaklah berdaftar dalam kategori dan pengkhususan yang berkaitan serta memenuhi syarat pendaftaran iaitu berdaftar dengan CIDB dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) serta Sijil Taraf Bumiputera (STB);
b.	Kerja requisition	Sehingga RM100,000	(i) Menggunakan Jadual Kadar Kerja (ii) Kontraktor tempatan

	secara undian		<p>(iii) Kontraktor berdaftar dengan CIDB Gred G1</p> <p>(iv) Kontraktor yang dipelawa hendaklah berdaftar dengan CIDB atau PUKONSA atau UPKJ dalam kategori dan pengkhususan yang berkaitan.</p>
c.	Sebut harga	Melebihi RM20,000 sehingga RM200,000	<p>(i) Kontraktor tempatan</p> <p>(ii) Kontraktor berdaftar dengan CIDB Gred G1</p> <p>(iii) Kontraktor yang dipelawa hendaklah berdaftar dengan CIDB atau PUKONSA atau UPKJ dalam kategori dan pengkhususan yang berkaitan.</p>
		Melebihi RM200,000 sehingga RM500,000	<p>(i) Kontraktor tempatan</p> <p>(ii) Kontraktor berdaftar dengan CIDB Gred G2</p> <p>(iii) Kontraktor yang dipelawa hendaklah berdaftar dengan CIDB atau PUKONSA atau UPKJ dalam kategori dan pengkhususan yang berkaitan.</p>
		Melebihi RM500,000 sehingga RM800,000	<p>(i) Kontraktor tempatan</p> <p>(ii) Kontraktor berdaftar dengan CIDB Gred G3</p> <p>(iii) Kontraktor yang dipelawa hendaklah berdaftar dengan CIDB atau PUKONSA atau UPKJ dalam</p>

			kategori dan pengkhususan yang berkaitan.
d.	Tender	Melebihi RM800,000	(i) Kontraktor tempatan (ii) Kontraktor berdaftar dengan CIDB Gred G3 hingga G7 (iii) Kontraktor yang dipelawa hendaklah berdaftar dengan CIDB atau PUKONSA atau UPKJ dalam kategori dan pengkhususan yang berkaitan.

- 3.3 Universiti dibenarkan untuk mepakejkan perolehan tahunan kepada beberapa pakej yang lebih kecil dan pelawaan dibuat secara sebut harga atau undian mengikut had nilai yang ditetapkan. Tujuan langkah ini adalah untuk menggalakkan penyertaan lebih ramai kontraktor dan menyegerakan penyediaan projek kerja Universiti;
- 3.4 Tatacara taklimat tender/sebut harga/lawatan tapak bagi perolehan bekalan, perkhidmatan, perunding dan kerja juga dipinda iaitu Universiti hendaklah tidak mewajibkan kehadiran syarikat bagi tujuan taklimat atau lawatan tapak bagi sebut harga/tender sebaliknya memberi satu tempoh yang munasabah bagi syarikat melawat sendiri kawasan atau tapak berkenaan yang dinyatakan dalam dokumen pelawaan. Maklumat berkaitan spesifikasi/terma rujukan/brief sesuatu projek hendaklah jelas dan terperinci;
- 3.5 Pengendalian Mesyuarat Jawatankuasa Sebut Harga Universiti, Jawatankuasa Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian dan Mesyuarat Jawatankuasa bagi penyediaan spesifikasi/terma rujukan/ brief projek dan mesyuarat jawatankuasa dalaman berkaitan perolehan yang lain hendaklah mematuhi prosedur operasi standard yang ditetapkan; dan

3.6 Pekeliling Perbendaharaan PK2.2 Kaedah Pelaksanaan Perolehan/Projek Kerajaan Tahun 2020 yang berkuat kuasa mulai 23 April 2020 sehingga 31 Disember 2020 termasuk pindaannya hendaklah dibaca bersama.

#### 4.0 PERTANYAAN

4.1 Sebarang pertanyaan lanjut berkaitan kaedah pelaksanaan perolehan kerja bagi tahun 2020 ini hendaklah dikemukakan kepada:


- (i) Unit Perolehan, Bahagian Khidmat Pengurusan Kewangan  
Jabatan Bendahari  
No Tel : 09-424 5332/09-424 5321
- (ii) Bahagian Kontrak dan Ukur Bahan  
Pusat Pembangunan Dan Pengurusan Harta  
No Tel: 09-424 6500/09-424 6516/09-424 6539

#### 5.0 TARIKH KUAT KUASA

Pekeliling Bendahari ini adalah berkuat kuasa mulai 23 April 2020 sehingga 31 Disember 2020.

#### “ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”

Saya yang menjalankan amanah,



**ZAINUDIN BIN OTHMAN**

Bendahari/ Ketua Pegawai Kewangan (CFO)

Universiti Malaysia Pahang

Jumaat, 17 Julai , 2020

- s.k -
- Naib Canselor
  - Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
  - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
  - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
  - Pendaftar/ Ketua Pegawai Operasi
  - Ketua Pustakawan
  - Pegawai Undang-Undang